

**BORANG PELEPASAN DAN PENEPIAN LIABILITI**

Saya \_\_\_\_\_ No. K/P \_\_\_\_\_ beralamat  
(Nama penuh dengan huruf besar) \_\_\_\_\_ dengan rela hati  
bersetuju untuk mendaftar dan mengambil bahagian dalam Operasi Menembak Gagak anjuran Majlis Perbadaran Port Dickson(MPPD).

Saya memahami semua syarat dan skop tugas saya sebagai penembak dan akan mematuhi syarat-syarat serta melaksanakan dengan rasa tanggungjawab berdasarkan arahan kerajaan yang telah ditetapkan.

Adalah dengan ini, saya mengakui dan bersetuju mengenai perkara-perkara berikut:-

- (1) Saya mengakui dan bersetuju untuk mengambil bahagian dalam Operasi Menembak Gagak anjuran Majlis Perbandaran Port Dickson dengan rela hati. Saya juga telah memahami segala syarat dan peraturan yang ditetapka oleh pihak MPPD dan PDRM
- (2) Saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan diri dan tindakan saya sendiri semasa menjalankan operasi sebagai peserta penembak di daerah Port Dickson dan saya menyedari bahawa saya mungkin berada dalam risiko bahaya sekiranya saya tidak mematuhi arahan, langkah-langkah keselamatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.
- (3) Saya mengetahui dan memahami sepenuhnya risiko yang terlibat melalui penyertaan saya sebagai peserta penembak dalam Operasi ini dan dengan ini saya (diri saya, waris, wakil atau mana-mana pihak berkemungkinan) melepaskan dan mengetepikan pihak Majlis Perbandaran Port Dickson, Kerajaan, pekerja , mana-mana wakil, atau agennya daripada mana-mana dan semua liabiliti, tuntutan dan tindakan undang-undang, kerugian, pampasan dan apa-apa kausa tindakan (sama ada secara langsung atau tidak langsung) yang timbul atau berkaitan dengan sebarang kehilangan, kerosakan, kecederaan, penyakit, kemalangan atau kematian, yang mungkin ditanggung oleh saya, orang awam serta harta benda awam atau persendirian;
- (4) Saya memahami bahawa sebarang peluru yang dibawa tidak akan saya wakilkan kepada pihak lain dan tidak digunakan kepada perkara lain selain dari operasi ini sahaja.
- (5) Saya bersetuju dengan bayaran insentif yang disumbangkan oleh pihak Majlis Perbandaran Port Dickson sebanyak RM5.00 seekor tanpa keraguan.

Saya mengakui bahawa saya telah membaca pelepasan dan penepian liabiliti di atas dan memahami kandungannya. Saya juga mengakui bahawa saya memberikan persetujuan saya menandatangani pelepasan dan penepian liabiliti di bawah ini secara sukarela sebagai tindakan dan perbuatan saya sendiri untuk terikat dengan persetujuan dan pengakuan tersebut serta bebas dari sebarang dorongan atau pengaruh dari mana-mana pihak.

---

Tandatangan Peserta

Nama : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

---

Tandatangan Saksi

Nama : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_